

Dr M akan dedah calon rasuah

BH 26 APR 2000

PUTRAJAYA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendedahkan sendiri nama calon yang didapati mengamalkan rasuah dan politik wang dalam kempen pemilihan Umno.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, pendedahan itu akan dibuat dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung parti 11 Mei ini.

Dr Mahathir yakin tindakan itu adalah cara terbaik dalam usaha menghapuskan amalan rasuah dan politik wang dalam parti.

Sehubungan itu, beliau mengulangi nasihatnya supaya semua calon serta penyokong dan ejen mereka, menghentikan serta-merta segala bentuk kempen mulai sekarang.

“Mereka dilarang menghubungi perwakilan atau sebaliknya sama ada secara bersemuka, melalui telefon atau faksimili untuk berkempen dan perwakilan juga tidak boleh berkunjung ke rumah calon,” katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini.

Transkrip penuh sidang akhbar Dr Mahathir di muka 10

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut mengumumkan pengakuan semua 15 calon Naib Presiden, Ketua Wanita serta Naib Ketua Wanita dan Pemuda, yang **menemuinya** malam tadi.

Dalam pertemuan itu, semua calon terabit membuat pengakuan untuk **menghentikan** apa juga bentuk kempen menjelang perhimpunan parti. Mereka turut **menandatangani** pengakuan itu di hadapan Perdana Menteri dan salinan surat pengakuan itu **diedarkan** kepada media oleh Dr Mahathir, hari ini.

Mereka ialah sembilan calon Naib Presiden termasuk dua penyandangannya, iaitu Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Tujuh yang lain ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

15 calon sepakat tidak kempen

BH 26 APR 2000
DARI MUKA 1

Turut serta, dua calon Ketua Wanita iaitu penyandangannya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Seri Rafidah Aziz; dua calon naib ketua wanita, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Ainin Khairiyah Abbas serta dua calon naib ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Syed Fadzir dan Zein Isma Ismail.

Dr Mahathir berkata, 15 calon terabit sepakat untuk tidak meneruskan kempen dalam apa jua bentuk, tidak mengamalkan politik wang dan rasuah, menghentikan apa juga gerakan kempen oleh penyokong, wakil dan ejen secara langsung atau tidak langsung, tidak akan menghubungi perwakilan atau membenarkan perwakilan menghubungi mereka dengan apa cara sekalipun termasuk lawatan ke rumah calon, penggunaan telefon dan faksimili.

“Selepas ini, saya akan panggil pula semua (63) calon Majlis Tertinggi supaya mereka juga membuat pengakuan supaya berhenti berkempen. Jadi mulai sekarang sehingga 11 Mei ini, tidak ada kempen langsung,” katanya.

Katanya, pengakuan itu bagi menjamin kepentingan parti, agama dan negara serta mahu bertanding atas asas kekeluargaan dengan mengutamakan silaturahim antara pemimpin Umno.

Dr Mahathir berkata, beliau juga memutuskan semua konvensyen Umno negeri yang sudah diatur ditangguh sehingga selepas perhimpunan agung bagi mengelak sebarang bentuk kempen.

Katanya, beliau sedar sekurang-kurangnya 600 perwakilan berada di ibu negara setiap hari bagi menemui orang tertentu manakala wakil rakyat pula tidak hadir ketika sidang Parlimen kerana sibuk berkempen.

Perdana Menteri berkata, beliau ada cara tersendiri untuk mengawasi kegiatan calon melalui sumber-sumber tertentu dan tidak akan mendedahkan identiti orang yang menjalankan tugas risikan itu.